



Karya Journal of Emerging Technologies in Human Services

Journal homepage:
<https://karyailham.com.my/index.php/kjeths/index>
ISSN: 3093-6551



Dari Teori ke Praktik: Analisis Pengetahuan, Sikap dan Amalan (KAP) Penjagaan Kulit Muka dalam Kalangan Pelajar Program Terapi Kecantikan *From Theory to Practice: Analysis of Knowledge, Attitude and Practice (KAP) of Facial Skincare among Beauty Therapy Students*

Wei Boon Quah^{1,*}, Norhasimah Mohd Zain², Norashikin Abdullah²

¹ Unit Operasi Perhotelan, Kolej Komuniti Sungai Petani, 08000 Sungai Petani, Kedah, Malaysia

² Unit Kecantikan & Spa, Kolej Komuniti Sungai Petani, 08000 Sungai Petani, Kedah, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 17 October 2025

Received in revised 20 November 2025

Accepted 27 November 2025

Available online 3 December 2025

ABSTRACT

Penjagaan kulit muka memainkan peranan penting dalam kedua-dua dandanan peribadi dan amalan kecantikan profesional. Walaupun pelajar kolej komuniti mengikuti program yang berkait rapat dengan kesihatan kulit, penting bagi mereka untuk memahami penjagaan kulit dan menerapkan penjagaan rutin yang betul. Objektif kajian adalah untuk menilai tahap pengetahuan, sikap dan amalan pelajar program Terapi Kecantikan di Kolej Komuniti Sungai Petani terhadap penjagaan kulit muka. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan. Soal selidik berstruktur yang merangkumi 11 item pengetahuan, 8 item sikap dan 13 item amalan telah diedarkan kepada 115 orang pelajar perempuan yang mengikuti program ini. Data dianalisis menggunakan statistik frekuensi dan deskriptif. Dapatan menunjukkan bahawa tahap pengetahuan pelajar terhadap penjagaan kulit adalah tinggi, dengan lebih 90% responden bersetuju bahawa produk penjagaan kulit membantu melembap, membersihkan dan mengurangkan masalah kulit seperti jerawat dan parut. Sikap pelajar juga sangat positif, dengan majoriti menyatakan bahawa mereka mengambil berat tentang penjagaan kulit dan memilih produk berdasarkan jenis kulit. Dari segi amalan, hampir kesemua pelajar menggunakan pencuci muka, pelembap dan pelindung matahari dalam rutin harian, walaupun penggunaan produk khusus seperti krim malam dan krim anti-penuaan adalah lebih rendah. Secara keseluruhan, pelajar menunjukkan tahap KAP yang tinggi terhadap penjagaan kulit muka. Kajian ini mencadangkan bahawa intervensi pendidikan harus terus menyokong pembangunan pemahaman saintifik dan rutin penjagaan kulit yang berstruktur dalam kalangan pelajar, selaras dengan keperluan industri kecantikan.

Facial skincare plays an important role in both personal grooming and professional beauty practices. Although community college students are enrolled in programmes closely related to skin health, it is crucial for them to understand skincare and apply proper daily skincare routines. The objective of this study was to assess the levels of knowledge, attitude, and practice (KAP) regarding facial skincare among Beauty Therapy students at Kolej Komuniti Sungai Petani. This study employed a quantitative approach using a survey design. A structured questionnaire consisting of 11 knowledge items, 8

Keywords:

Penjagaan kulit muka; pengetahuan; sikap; amalan, terapi kecantikan

Facial skincare; knowledge; attitude; practice; beauty therapy

attitude items, and 13 practice items was distributed to 115 female students enrolled in the programme. Data were analysed using frequency and descriptive statistics. The findings revealed that students' level of knowledge about skincare was high, with more than 90% of respondents agreeing that skincare products help to moisturise, cleanse, and reduce skin problems such as acne and scars. Students also demonstrated very positive attitudes, with the majority indicating that they care about skincare and choose products based on their skin type. In terms of practice, almost all students used facial cleansers, moisturisers, and sunscreens as part of their daily routine, although the use of specific products such as night creams and anti-ageing creams was lower. Overall, students exhibited a high level of KAP regarding facial skincare. The study suggests that educational interventions should continue to support the development of scientific understanding and structured skincare routines among students, in line with the needs of the beauty industry.

1. Pengenalan

Industri kecantikan dan penjagaan kulit global berkembang pesat hasil gabungan teknologi, perubahan gaya hidup, serta pengaruh media sosial. Peningkatan kesedaran pengguna, khususnya generasi muda, telah memacu permintaan terhadap rutin penjagaan kulit yang diperibadikan dan berasaskan bukti saintifik [1]. Fenomena ini menjadikan negara seperti Korea Selatan, Jepun, dan Amerika Syarikat sebagai penanda aras utama dalam industri.

Trend serupa dapat dilihat di Asia Tenggara termasuk Malaysia, di mana pasaran kecantikan dijangka mencecah USD 3.2 bilion menjelang 2024. Faktor seperti gaya hidup urban, peningkatan pendapatan, serta permintaan terhadap produk halal memperkuat perkembangan ini [2]. Walaupun begitu, literatur menunjukkan wujud jurang antara kesedaran, sikap, dan amalan penjagaan kulit. Sebagai contoh, pelajar di Sri Lanka dan Arab Saudi didapati mempunyai sikap positif, tetapi masih lemah dalam konsistensi rutin dan aplikasi saintifik [3,4].

Di Malaysia, situasi ini turut dikesan dalam kalangan pelajar bidang kesihatan, di mana pengetahuan asas seperti tabiat pembersihan dan penggunaan pelindung matahari tidak diaplikasikan sepenuhnya dalam kehidupan seharian [2]. Hal ini menimbulkan persoalan sama ada pelajar dalam program terapi kecantikan benar-benar bersedia mengaplikasikan pengetahuan secara praktikal.

Bagi Kolej Komuniti Sungai Petani, isu ini sangat signifikan kerana program Terapi Kecantikan bertujuan melahirkan pengamal profesional yang bukan sahaja menguasai kemahiran teknikal, tetapi juga berfungsi sebagai model peranan kepada masyarakat. Justeru, kajian ini dijalankan untuk menilai tahap pengetahuan, sikap, dan amalan (KAP) pelajar mengenai penjagaan kulit muka, sekali gus menutup jurang literatur dalam konteks pendidikan kecantikan di kolej komuniti.

1.1 Pernyataan Masalah

Walaupun industri kecantikan dan penjagaan kulit berkembang pesat di peringkat global dan serantau, penyelidikan lepas menunjukkan wujud jurang yang ketara antara pengetahuan teori dan amalan sebenar pengguna, terutamanya dalam kalangan pelajar. Kajian antarabangsa mendapati bahawa walaupun sikap terhadap penjagaan kulit positif, rutin sebenar seperti penggunaan pelindung matahari dan teknik pembersihan masih tidak konsisten [1,3,4]. Di Malaysia, dapatan Muhsain *et al.*, [2] turut mengesahkan bahawa pelajar bidang kesihatan sendiri kurang mengaplikasikan prinsip asas penjagaan kulit dalam kehidupan harian mereka. Walaupun banyak kajian telah dijalankan dalam konteks universiti dan institusi kesihatan, fokus terhadap pelajar kolej komuniti, khususnya dalam bidang terapi kecantikan masih jarang diterokai, dan literatur Pendidikan

Dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Malaysia sendiri dilaporkan tidak seimbang merentasi sub-sektor serta memerlukan penelitian lapangan yang lebih menyeluruh [5,6]. Sedangkan, golongan ini bakal menjadi pengamal profesional yang bukan sahaja perlu menguasai kemahiran teknikal, tetapi juga berfungsi sebagai model peranan kepada pelanggan. Jurang pengetahuan inilah yang menimbulkan persoalan sama ada latihan dan pendidikan sedia ada benar-benar mencukupi untuk melahirkan pelajar yang berpengetahuan, berkeyakinan dan kompeten dalam amalan penjagaan kulit muka.

1.2 Objektif Kajian

1. Mengetahui tahap pengetahuan pelajar Kolej Komuniti Sungai Petani di dalam bidang terapi kecantikan.
2. Mengetahui tahap sikap pelajar terhadap keperluan dan kepentingan penjagaan kulit muka sebahagian daripada amalan kebersihan diri.
3. Mengetahui tahap amalan penjagaan kulit muka yang diamalkan oleh pelajar dalam rutin harian mereka, termasuk kekerapan dan kaedah yang digunakan.

2. Sorotan Kajian

2.1 Pengetahuan tentang Penjagaan Kulit Wajah

Pengetahuan asas penjagaan kulit seperti pembersihan, pelembapan dan pelindung matahari memang lazim dalam kalangan pelajar kecantikan. Tetapi kekurangan pemahaman saintifik tentang kenapa lapisan produk perlu diatur, bagaimana SPF berfungsi, atau pengaruh pH masih ketara dan isu ini berulang dalam konteks global [2,3,4]. Namun, apa yang makin membimbangkan ialah trend digital yang mendominasi sumber info pelajar seperti kajian di Saudi Arabia melaporkan preferensi tertinggi di kalangan pengguna untuk pengaruh (influencer) dan akaun dermatologi di media sosial berbanding sumber perubatan lebih rasmi [7], manakala kajian dalam Pediatrics mendapati remaja (7–18 tahun) mengikuti rutin TikTok yang kompleks untuk purata 6 produk, sering tanpa sunscreen juga berpotensi menyebabkan iritasi dan alergi, dengan manfaat klinikal sangat terhad [8]. Dari perspektif teori perbandingan sosial dan pengaruh rakan, pelajar terdedah pada standard estetika viral dan takut terlepas (FOMO: *fear of missing out*), menyebabkan mereka ikut trend tanpa menilai keselamatan atau keperluan sebenar [9]. Oleh itu, kurikulum TVET perlu ditambah modul literasi media digital untuk mengajar pelajar menilai kredibiliti pengaruh (influencer)/produk (contoh: periksa bukti kajian klinikal, latar belakang penulis), serta praktikal simulasi menggunakan kes sebenar (ringkasan bahan aktif, kesan sampingan, indikator penggunaan) supaya “pengetahuan” menjadi kritikal dan berasaskan bukti, bukan sekadar ikut mana viral.

2.2 Sikap Terhadap Penjagaan Kulit Muka

Sikap bermaksud apa yang pelajar rasa dan juga dianggap penting, atau nampak nilai dalam penjagaan kulit. Sikap sebenarnya juga sangat dipengaruhi oleh faktor jantina, norma sosial, dan imej tubuh (body image), bukan semata-mata logik penjagaan diri. Dalam kajian di Saudi Arabia, Almudimeegh *et al.*, [7] mendapati wanita lebih cenderung mendapatkan nasihat penjagaan kulit daripada pengaruh (influencer) dan akaun dermatologi di media sosial, manakala lelaki lebih mendapat nasihat daripada ahli farmasi. Perkara ini mencerminkan bias dalam pencarian maklumat dan persepsi sumber yang sahih. Sistematik ulasan oleh Fidan dan Subaşı Baybuğa [10] pula

menunjukkan pelajar umum mempunyai sikap positif terhadap produk penjagaan diri, namun apabila mereka mengalami kesan sampingan seperti alergi, reaksi mereka berubah dan menunjukkan sikap tidak stabil kerana pengetahuan belum cukup. Dalam konteks estetika kampus, kajian Han dan Kim [11] mengaitkan harga diri pelajar dengan motivasi mereka mengurus penampilan; pelajar yang lebih yakin cenderung tunjukkan sikap lebih proaktif dan konsisten dalam penjagaan kulit. Tambahan pula, kajian di Turki yang dijalankan oleh Olcer *et al.*, [12] menemui bahawa pelajar yang mempunyai kesedaran gaya hidup sihat akan lebih cenderung memilih produk kosmetik. Hal ini menunjukkan bahawa sikap dipacu juga oleh literasi kesihatan, bukan sekadar tren kecantikan semata. Jadi, walaupun dalam kajian lepas menyatakan sikap pelajar adalah positif, realitinya lebih kompleks iaitu ia dipengaruhi oleh identiti jantina, keyakinan diri, dan tahap kesedaran terhadap kesihatan. Untuk itu, kurikulum terapi kecantikan perlu memperkukuh dimensi psikologi sikap, misalnya modul tentang imej tubuh (body image), celik media (media literacy), dan refleksi sebenar terhadap kesan jangka panjang produk supaya sikap positif itu tidak hanya rasa tapi berasas dan tahan lama.

2.3 Amalan Penjagaan Kulit

Amalan penjagaan kulit merujuk kepada tingkah laku konkrit seperti jenis produk digunakan, kekerapan, dan kebersihan rutin. Kajian Malaysia dijalankan oleh Muhsain *et al.*, [2] menunjukkan 95% pelajar mengiktiraf pentingnya pembersihan dan pelembap, tetapi hanya 67.5% konsisten mengikuti rutin harian, menunjukkan jurang antara kefahaman dan pelaksanaan sebenar. Tambahan, majoriti pelajar bergantung kepada informasi dari internet (95.5%) dan influencer (74.7%), bukan sumber profesional. Dalam kajian Sri Lanka, Udayanga *et al.*, [13] melaporkan 75.3% pelajar menghadapi kesan sampingan kosmetik seperti ruam, alahan dan kekeringan. Ini merupakan contoh nyata bahawa amalan semata-mata tidak mencukupi apabila dibina atas sumber maklumat lemah. Dari segi perspektif etika, Parikh dan Lipner [14] menegaskan pentingnya tindakan literasi pengguna dan pendekatan amalan berasaskan bukti dalam Pendidikan agar pelajar terapi kecantikan tidak menjadi mangsa pemasaran yang sesat atau trend cetek semata-mata. Apatah lagi, kajian Bosslett [8] menonjolkan potensi bahaya rutin TikTok, penggunaannya cenderung kompleks tanpa pelindung matahari dan berisiko tinggi terhadap iritasi serta keradangan kulit. Ini menandakan keperluan intervensi pendidikan yang berfokus kepada keselamatan dermatologi [15]. Secara keseluruhan, amalan pelajar tidak sekadar tidak konsisten, tetapi berpotensi membawa risiko serius. Oleh itu, kurikulum TVET terapistik kecantikan perlu menambah modul praktikal yang menekankan keselamatan, penilaian ramuan, dan pencegahan kesan sampingan. Ini termasuk demonstrasi simulasi produk, analisis label, dan kajian kes supaya amalan bukan sekadar tabiat, tetapi bertanggungjawab dan berasaskan bukti.


3. Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan kuantitatif, keratan rentas untuk menilai tahap pengetahuan, sikap dan amalan (KAP) berkaitan penjagaan kulit muka dalam kalangan pelajar yang mengikuti program Terapi Kecantikan di Kolej Komuniti Sungai Petani. Pendekatan kuantitatif adalah sesuai untuk mengenal pasti corak yang boleh diukur dalam populasi yang besar, terutamanya apabila menyiasat trend tingkah laku seperti tabiat penjagaan kulit [16]. Populasi sasaran kajian ini terdiri daripada kesemua 112 pelajar perempuan yang mengikuti program Terapi Kecantikan di Kolej Komuniti Sungai Petani. Teknik persampelan jumlah populasi telah digunakan, di mana keseluruhan populasi yang memenuhi kriteria kemasukan dijemput untuk mengambil bahagian. Instrumen iaitu

soal selidik telah diadaptasi dan ubahsuai mengikut konteks daripada kajian lepas Muhsain et al. (2024)[2]. Instrumen ini dibahagikan kepada empat bahagian utama:

- i. Maklumat Demografi – untuk mengumpul data seperti umur, semester akademik dan sejarah penjagaan kulit.
- ii. Komponen Pengetahuan – terdiri daripada 11 soalan dengan pilihan ya/tidak yang direka untuk menilai pemahaman responden tentang anatomi kulit, fungsi produk penjagaan kulit dan langkah dalam rutin penjagaan kulit.
- iii. Komponen Sikap - termasuk 8 soalan dengan pilihan ya/tidak yang direka untuk mengukur kepercayaan dan perspektif pelajar tentang kepentingan penjagaan kulit muka sebagai sebahagian daripada kebersihan dan kesihatan diri.
- iv. Komponen Amalan – terdiri daripada 13 soalan dengan pilihan ya/tidak yang direka untuk meneroka gelagat penjagaan kulit sebenar responden, seperti kekerapan pembersihan, penggunaan produk dan pematuhan kepada rutin penjagaan kulit.

Pengumpulan data telah dijalankan dalam tempoh dua minggu pada Mac 2025, semasa waktu kelas yang dijadualkan untuk memastikan kadar tindak balas yang tinggi. Soal selidik secara dalam talian iaitu *Google form* telah diedarkan dan dikumpul oleh pasukan penyelidik selepas mendapat persetujuan termaklum. Tujuan kajian telah dijelaskan kepada semua peserta, dan mereka diberi peluang untuk bertanya soalan sebelum melengkapkan tinjauan. Tiada insentif diberikan untuk mengelakkan berat sebelah, dan penyertaan adalah secara sukarela. Data yang dikumpul telah dikodkan dan dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* Versi 26. Teknik statistik berikut telah digunakan adalah i) Statistik deskriptif (min, peratusan, kekerapan) untuk menganalisis data demografi dan respons KAP. Rajah 1 menunjukkan carta alir bagi kajian ini.



Rajah 2. Produk penjagaan kulit yang digunakan sebagai sebahagian rutin penjagaan kulit

Rajah 1. Carta alir kajian

4. Dapatan dan Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden terdiri daripada pelajar berumur antara 18 hingga 21 tahun (67.8%), diikuti oleh kumpulan umur 22 hingga 24 tahun (27.8%), dan hanya sebilangan kecil berumur 25 hingga 27 tahun (4.3%). Dari segi program pengajian, pelajar Diploma Terapi Kecantikan mencatat peratusan sedikit lebih tinggi (52.2%) berbanding pelajar Sijil Terapi Kecantikan (47.8%). Berkaitan masalah kulit muka, jerawat merupakan masalah utama yang dihadapi oleh lebih separuh responden (51.3%), manakala selebihnya melaporkan masalah lain seperti ekzema (5.2%), alergi (2.6%), dan lain-lain masalah kulit (40.9%) termasuk kulit kering, berminyak atau kombinasi. Jadual 1 menggambarkan bahawa responden adalah majoritinya pelajar muda dalam bidang terapi kecantikan yang sememangnya berdepan dengan isu kulit muka, khususnya jerawat. Justeru, mereka merupakan kumpulan yang relevan untuk mengkaji pengetahuan dan sikap terhadap penjagaan kulit wajah.

Jadual 1

Demografi responden

Item	Deskripsi	Frekuensi	Peratus (%)
Umur	18-21 Tahun	78	67.8
	22-24 Tahun	32	27.8
	25-27 Tahun	5	4.3
Program	Diploma Terapi Kecantikan	60	52.2
	Sijil Terapi Kecantikan	55	47.8
Masalah kulit muka	Jerawat	59	51.3
	Ekzema	6	5.2
	Elergik	3	2.6
	Lain-lain	47	40.9

4.1 Pengetahuan tentang Penjagaan Kulit Wajah

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar program Terapi Kecantikan di Kolej Komuniti Sungai Petani mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi terhadap fungsi produk penjagaan kulit muka. Sebanyak 99.1% pelajar bersetuju bahawa produk penjagaan kulit sesuai digunakan untuk kulit muka dan membantu membersihkan wajah, manakala 98.3% mengakui produk tersebut boleh melembapkan kulit serta menjadikan kulit kelihatan lebih cantik. Selain itu, 96.5% percaya bahawa produk ini membantu mengurangkan jerawat, dan 92.2% bersetuju ia mampu mengawal kulit berminyak. Produk penjagaan kulit juga dianggap mampu mencerahkan kulit (93.0%), mengurangkan bintik hitam (90.4%) dan parut (90.4%). Namun, hanya 82.6% percaya bahawa produk ini dapat membantu menghapuskan kuman, dan peratusan yang paling rendah dicatatkan pada kepercayaan bahawa produk dapat membuang peluh dari kulit (56.5%). Jadual 2 menunjukkan pelajar mempunyai pengetahuan asas yang mantap tentang fungsi utama produk penjagaan kulit. Namun, ada kekeliruan kecil pada fungsi khusus yang bukan peranan utama produk kosmetik.

Jadual 2

Pengetahuan tentang penjagaan kulit wajah

Bil.	Item	Ya	Tidak
1.	Produk penjagaan sesuai untuk kulit muka.	114	1
2.	Produk penjagaan kulit membantu membersihkan kulit muka.	114	1
3.	Produk penjagaan kulit dapat melembapkan kulit muka.	113	2
4.	Produk penjagaan kulit membantu mengurangkan jerawat.	111	4
5.	Produk penjagaan kulit dapat mengurangkan kulit berminyak.	106	9
6.	Produk penjagaan kulit dapat membantu menghapuskan kuman.	95	20
7.	Produk penjagaan kulit boleh mencerahkan kulit.	107	8
8.	Produk penjagaan kulit membantu membuang peluh dari kulit.	65	50
9.	Produk penjagaan kulit menjadikan kulit kelihatan cantik.	113	2
10.	Produk penjagaan kulit membantu mengurangkan bintik hitam.	104	11
11.	Produk penjagaan kulit membantu mengurangkan parut.	104	11

4.2 Sikap Terhadap Penjagaan Kulit Muka


Dapatan kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar program Terapi Kecantikan di Kolej Komuniti Sungai Petani mempunyai sikap positif terhadap penjagaan kulit muka. Seramai 96.5% pelajar mengambil berat tentang rutin penjagaan kulit dan menggunakan produk untuk meningkatkan kesihatan kulit mereka, manakala 92.2% lebih menyukai produk berasaskan bahan semula jadi. Walaupun begitu, 55.7% pelajar juga dilihat menggunakan produk berasaskan bahan sintetik. Hanya 22.6% pelajar menyatakan bahawa mereka menggunakan produk penjagaan kulit kerana mengikut trend, menandakan pemilihan produk dilakukan secara rasional dan bukan semata-mata atas pengaruh fesyen semasa. Sebanyak 99.1% pelajar membuat pilihan produk berdasarkan jenis kulit mereka, mencerminkan tahap kesedaran yang tinggi terhadap kesesuaian produk. Dalam menangani masalah kulit muka, 71.3% lebih cenderung memilih ubat-ubatan perubatan berbanding produk kosmetik, dan hanya 43.5% yang lebih memilih produk kosmetik, menunjukkan kepercayaan yang lebih tinggi terhadap rawatan berasaskan klinikal. Jadual 3 menunjukkan pelajar mempunyai sikap matang dan rasional dalam penjagaan kulit muka, lebih fokus kepada kesihatan dan kesesuaian kulit berbanding pengaruh trend semasa.

Jadual 3

Sikap terhadap penjagaan kulit muka

Bil.	Item	Ya	Tidak
1.	Saya mengambil berat rutin penjagaan kulit muka.	111	4
2.	Saya suka menggunakan produk penjagaan kulit muka berasaskan bahan semula jadi.	106	9
3.	Saya menggunakan produk penjagaan kulit muka bagi meningkatkan kesihatan kulit.	111	4
4.	Saya menggunakan produk penjagaan kulit muka kerana mengikut trend.	26	89
5.	Apabila mengalami masalah kulit muka, saya lebih memilih ubat-ubatan perubatan berbanding produk kosmetik.	82	33
6.	Saya memilih produk penjagaan kulit muka berdasarkan jenis kulit saya.	114	1
7.	Saya menggunakan produk penjagaan kulit muka berasaskan bahan sintetik.	64	51
8.	Sekiranya menghadapi masalah kulit, saya lebih cenderung menggunakan produk kosmetik.	50	65

Berdasarkan analisis frekuensi dan peratusan, didapati bahawa produk yang paling kerap digunakan pelajar ialah pencuci (112 orang, 100%), diikuti pembersih (112 orang, 100%), pelembap (111 orang, 99.1%), pelindung matahari (110 orang, 98.2%) serta serum (100 orang, 89.3%). Hal ini menunjukkan bahawa pelajar lebih mengutamakan rutin penjagaan asas iaitu membersihkan, melembapkan, melindungi kulit daripada sinaran UV serta penggunaan serum. Sebaliknya, produk seperti krim malam (56 orang, 50%), krim siang (62 orang, 55.4%) dan krim anti-penuaan (65 orang, 58.0%) kurang digunakan. Ini menandakan pelajar kurang memberi perhatian kepada penjagaan kulit pencegahan dan rawatan jangka panjang, kemungkinan besar kerana faktor umur muda, kos produk, atau kurangnya kesedaran tentang keberkesanan fungsi produk tersebut. Secara keseluruhannya, data ini memperlihatkan bahawa pelajar lebih mengutamakan praktikaliti dan keperluan asas berbanding produk tambahan yang dilihat sebagai sekunder dalam rutin penjagaan kulit.



Rajah 2. Produk penjagaan kulit yang digunakan sebagai sebahagian rutin penjagaan kulit

4.3 Objektif 1: Mengenal Pasti Tahap Pengetahuan Pelajar dalam Penjagaan Kulit Muka

Dapatan menunjukkan bahawa walaupun pelajar mempunyai asas pengetahuan tentang rutin penjagaan kulit, pemahaman mereka sering terhad kepada apa yang dipopularkan di media sosial dan testimoni rakan sebaya. Situasi ini selari dengan dapatan Benevento *et al.*, [17] yang menegaskan bahawa pelajar universiti cenderung merujuk pengaruh media sosial (influencer) berbanding rujukan saintifik. Namun, pengetahuan yang terlalu bergantung pada trend meningkatkan risiko maklumat salah (misinformation) dan pembelajaran berlebihan terhadap gimik (overlearning of hype) sedangkan asas dermatologi yang berasaskan bukti masih rendah. Oleh itu, analisis kritikal menunjukkan bahawa tahap pengetahuan yang ada belum cukup untuk menjadikan pelajar kompeten secara profesional, terutamanya dalam bidang terapi kecantikan. Keadaan ini menuntut integrasi kecekapan berasaskan bukti dimaklumkan (evidence-informed competency) dalam kurikulum supaya pelajar mampu membezakan antara amalan yang selamat dan mitos pasaran [18].

4.4 Objektif 2: Menilai Sikap Pelajar Terhadap Penjagaan Kulit Muka

Walaupun pelajar menunjukkan sikap positif terhadap kepentingan penjagaan kulit, sikap tersebut tidak semestinya konsisten dengan amalan. Kajian oleh Almudimeegh *et al.*, [7] mendapati bahawa sikap positif sering dipengaruhi oleh faktor gender, imej diri dan norma sosial, bukan semata-mata rasional kesihatan. Dalam konteks ini, sikap positif kadang-kadang lebih bersifat perbandingan sosial (social comparison) untuk memenuhi standard kecantikan tertentu [11]. Kritikan penting di sini ialah sikap tersebut boleh berubah-ubah apabila pelajar terdedah kepada isu kulit atau kesan sampingan produk, sebagaimana dilaporkan Fidan dan Subaşı Baybuğa [10]. Justeru, walaupun dapatan menunjukkan sikap positif, ia masih rapuh dan tidak berakar pada kefahaman saintifik. Kurikulum perlu menekankan celik media (media literacy) dan refleksi kritikal supaya sikap pelajar lebih kukuh, beretika, dan seimbang antara estetika dengan kesihatan kulit.

4.5 Objektif 3: Mengenal Pasti Amalan Penjagaan Kulit Pelajar

Amalan penjagaan kulit pelajar didapati tidak konsisten dan sering bergantung pada sumber tidak sahih. Contohnya, sebahagian besar mengabaikan penggunaan pelindung matahari (sunscreen) walaupun ia adalah elemen terpenting dalam dermatologi pencegahan [19]. Ini menunjukkan wujud jurang antara kesedaran dan amalan sebenar. Kajian selain juga mendapati bahawa walaupun pelajar perubatan sadar tentang kepentingan penjagaan kulit, hanya sebilangan kecil yang mengamalkannya secara berdisiplin. Sebagai contoh, hanya 20.4% responden menggunakan pelindung matahari secara konsisten, sementara selebihnya lebih dipengaruhi oleh media sosial [20]. Ini menunjukkan pelajar lebih cenderung mengikut cadangan rakan sebaya atau trend TikTok berbanding nasihat klinikal, yang akhirnya mendorong pembelajaran kurang terhadap bukti (underlearning of evidence). Oleh itu, institusi pengajian perlu mengintegrasikan modul pembelajaran berasaskan bukti (evidence-based beauty practice), dengan menekankan aspek keselamatan produk, literasi ramuan, serta kebiasaan dermatologi yang mampan untuk melahirkan pelapis profesional kecantikan yang benar-benar kompeten.

5. Kesimpulan

Kajian ini mendapati pelajar program Terapi Kecantikan di Kolej Komuniti Sungai Petani mempunyai tahap pengetahuan, sikap, dan amalan (KAP) yang tinggi terhadap penjagaan kulit muka, khususnya dalam aspek fungsi asas produk seperti membersihkan, melembap dan melindungi kulit. Walaupun begitu, wujud sedikit kekeliruan terhadap fungsi khusus produk dan ketidakseimbangan antara amalan rutin asas dengan penggunaan produk khusus. Sikap pelajar secara keseluruhan positif, dengan pemilihan produk berdasarkan jenis kulit dan kecenderungan kepada rawatan berasaskan perubatan yang mencerminkan kesedaran terhadap keberkesanan klinikal. Amalan penjagaan kulit pula lebih tertumpu kepada langkah asas, dipengaruhi oleh faktor luaran seperti media sosial, rakan sebaya, dan keluarga. Keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar bersedia dari segi asas pengetahuan dan kesedaran, namun masih memerlukan pementapan kefahaman saintifik dan pengukuhan amalan berstruktur untuk memenuhi standard industri kecantikan.

5.1 Implikasi Kajian

Dapatan kajian ini memberi implikasi penting kepada institusi pendidikan vokasional, khususnya dalam bidang kecantikan, bahawa kurikulum perlu menyeimbangkan antara teori saintifik dengan latihan praktikal yang berfokus pada aplikasi sebenar. Pendidik boleh menggunakan maklumat ini untuk merangka modul pembelajaran yang bukan sahaja menekankan fungsi umum produk, tetapi juga logik saintifik di sebalik penggunaannya, supaya pelajar mampu membuat penilaian profesional terhadap keberkesanan sesuatu produk. Selain itu, penemuan tentang pengaruh kuat media sosial dan rakan sebaya terhadap amalan penjagaan kulit pelajar mengisyaratkan keperluan untuk mengintegrasikan elemen literasi digital dan penilaian kritikal terhadap maklumat kecantikan dalam talian. Hal ini bukan sahaja akan meningkatkan keupayaan pelajar dalam membuat keputusan berasaskan bukti, malah memperkukuh kredibiliti mereka sebagai bakal pengamal dalam industri kecantikan.

5.2 Cadangan Kajian Hadapan

Kajian pada masa hadapan boleh diperluaskan dengan melibatkan sampel yang lebih pelbagai dari institusi berbeza dan merangkumi pelajar lelaki bagi mendapatkan gambaran KAP yang lebih menyeluruh dalam bidang kecantikan. Selain itu, kajian longitudinal boleh dijalankan untuk menilai perubahan tahap pengetahuan, sikap dan amalan pelajar sepanjang tempoh pengajian, seterusnya mengenal pasti keberkesanan intervensi pendidikan yang dilaksanakan. Kajian kualitatif juga dicadangkan bagi meneroka secara mendalam faktor motivasi, halangan, dan persepsi pelajar terhadap penjagaan kulit, termasuk peranan media sosial dan influencer kecantikan. Pendekatan ini diharap dapat menghasilkan strategi pengajaran dan pembelajaran yang lebih holistik dan relevan dengan keperluan industri semasa.

Penghargaan

Kajian penyelidikan ini tidak dibiayai oleh mana-mana geran.

Rujukan

- [1] Nitiyarom, Rattanavalai, Narin Banomyong, and Wane Wisuthsarewong. "Knowledge about, attitude toward, and practices in skin care among Thai adolescents." *Journal of Cosmetic Dermatology* 21, no. 4 (2022): 1539-1546. <https://doi.org/10.1111/jocd.14309>
- [2] Muhsain, Siti Nur Fadzilah Mokhtar, Nur 'Ainun Mokhtar, Siti Nur Fathini Muhsain, Amirah Rosli, Amni Syifa Saipol, Anis Sofea Ramli, Maryam Izzati Zulkarnain, dan Wan Nordini Hasnor Wan Ismail. "Knowledge and practices of skin care among pharmacy." *International Journal Students of Entrepreneurship and Management Practices* 7 no. 25 (2024): 238-251. <https://doi.org/10.35631/IJEMP.725020>
- [3] Alsharif, Sahar H., Shumukh H. Alqahtani, Rahaf M. Alqarehi, Mayar A. Alsayed, Amjd S. Alzahrani, Abdullah M. Alharthi, Asma S. Alruwaili et al. "Knowledge, attitudes, and practices regarding skin care in Saudi Arabia: a cross-sectional, survey-based study." *Cureus* 14, no. 12 (2022). <https://doi.org/10.7759/cureus.32490>
- [4] Jayathilake, H. P. U. V., H. M. L. S. Nikathenna, H. A. T. Dharmapriya, P. K. Wanniarachchi, H. M. D. Handugala, S. S. Amarasinghe, W. A. D. M. Wanasinghe, and W. M. K. M. Ratnayake. "Evaluation of Knowledge, Attitudes and Practices on Facial Skincare Routines and Cosmetic Products in Undergraduates of Universities and Higher Educational Institutes in Western Province, Sri Lanka." (2024). <https://doi.org/10.4038/caj.v6i2.126>
- [5] Subramaniam, Nadya, and F. Abdul Aziz. "Governance of TVET in Malaysia: Gaps and opportunities for researchers." *The Online Journal for Technical and Vocational Education and Training in Asia*. <https://tvvet-online.asia/issue/20/governance-of-tvet-in-malaysia-gaps-and-opportunities-for-researchers> (2023). <https://tvvet-online.asia/issue/20/governance-of-tvet-in-malaysia-gaps-and-opportunities-for-researchers>.
- [6] Tee, Tze Kiong, Farah Najwa Ahmad Puad, Arasinah Kamis, Mei Heong Yee, Ruhiana Idayu Abd Hamid, Sharifah Shafie, and Sarimah Abu Bedor. "Enhancing Cosmetology Students' Communication Skills in Malaysian Upper Secondary Vocational Education Program." *International Journal of Evaluation and Research in Education* 11, no. 1 (2022): 260-271. <http://doi.org/10.11591/ijere.v11i1.22285>
- [7] Almudimeegh, Almuntsebellah, Eman Almukhadab, Khalid Nabil Nagshabandi, Omar Aldosari, Ibrahim Aldakhil, Zyad Aldosari, Mohammed Alhuqbani, and Khalid Alkhani. "The influence of social media on public attitudes and behaviors towards cosmetic dermatologic procedures and skin care practices: A study in Saudi Arabia." *Journal of Cosmetic Dermatology* 23, no. 8 (2024): 2686-2696. <https://doi.org/10.1111/jocd.16324>
- [8] Bosslett, Marie. "# DermTok: Navigating TikTok's Acne Advice Misinformation." (2025).
- [9] McCoy, Kelly, Madelyn M. Class, Victoria Ricles, Gabriela Wagoner, Devon Cross, Aspen Trautz, and Andrew C. Krakowski. "Kids these days: social media's influence on adolescent behaviors." *The Journal of clinical and aesthetic dermatology* 17, no. 5 (2024): 40.
- [10] Fidan, Gülfer dan Media SSubaşı Baybuğa. "University students attitudes towards cosmetics and personal care products: A systematic review." *EJONS International Journal on Mathematic, Engineering and Natural Sciences* 8 no. 4 (2024): 415-425. <https://doi.org/10.5281/zenodo.14227755>
- [11] Han, Chae Yeon, and You Jeong Kim. "Effects of beauty college student's appearance management behavior on self-esteem after COVID-19." *Journal of Cosmetic Medicine* 8, no. 1 (2024): 41-49. <https://doi.org/10.25056/JCM.2024.8.1.41>

- [12] Olcer, Zeynep, Ayse Cal, Nursemin Unal, Bediye Oztas, and Gunay Oge. "Examining the use of cosmetic products and the awareness of healthy life among university students." *Turkish Journal of Dermatology* 17, no. 3 (2023): 79-87. <https://doi.org/10.4103/tjd.tjd.136.22>
- [13] Udayanga, Lahiru, Nirma Subashini, Menuka Udugama, Prabha Silva, and Tharaka Ranathunge. "Knowledge, perceptions, and consumption behaviour of cosmetics among undergraduates of Sri Lanka: a descriptive cross-sectional study." *Frontiers in Public Health* 11 (2024): 1184398. <https://doi.org/10.3389/fpubh.2023.1184398>
- [14] Parikh, Aarushi K., and Shari R. Lipner. "Glow or No-Go: Ethical considerations of adolescent and teen skincare trends in social media." *Skin Research and Technology* 30, no. 8 (2024): e70029. <https://doi.org/10.1111/srt.70029>
- [15] Hales, Molly, Sarah Rigali, Amy Paller, Walter Liszewski, and Tara Lagu. "Pediatric Skin Care Regimens on TikTok." *Pediatrics* (2025): e2024070309. <https://doi.org/10.1542/peds.2024-070309>
- [16] Creswell, John W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (4th ed.). Thousand Oaks, CA: SAGE Publications.
- [17] Benevento, Elisabetta, Davide Aloini, Paolo Roma, and Davide Bellino. "The impact of influencers on brand social network growth: Insights from new product launch events on Twitter." *Journal of Business Research* 189 (2025): 115123. <https://doi.org/10.1016/j.jbusres.2024.115123>
- [18] Sinclair, Shane, Swati Dhingra, Shelley Raffin Bouchal, Cara MacInnis, Daranne Harris, Amanda Roze des Ordons, and Barbara Pesut. "The initial validation of an Evidence-informed, competency-based, Applied Compassion Training (EnACT) program: a multimethod study." *BMC Medical Education* 24, no. 1 (2024): 686. <https://doi.org/10.1186/s12909-024-05663-0>
- [19] Stevens, Carly R., Maxwell Green, Kimberly Hinh, and Sofia Chaudhry. "Predictors of sunscreen use in United States high-school students." *Skin Health and Disease* 4, no. 4 (2024): ski2-370. <https://doi.org/10.1002/ski2.370>
- [20] Madugula, Manasa, Ruchita Bajaj, Swetha Chowdary Atluri, dan Haritha Samanthula. "Influence of social media on usage of skincare products among medical students: An observational study." *IP Indian Journal of Clinical and Experimental Dermatology* 10 no. 3 (2024): 287-290. <https://doi.org/10.18231/i.ijced.2024.051>